

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH ]**

**TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN CHA KEE CHIN** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah dos ketiga suntikan COVID 19 akan dilaksanakan dan bagaimanakah mekanismanya. Apakah ia akan mengguna pakai kaedah pendaftaran melalui Mysejahtera seperti sebelum ini ataupun secara automatik, serta apakah suntikan dos akan diberikan kepada semua rakyat yang bersetuju menerima secara sukarela.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pada 19 September 2021 bahawa kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan pemberian dos ketiga vaksin COVID-19 bagi meningkatkan perlindungan kepada golongan rentan daripada risiko jangkitan COVID-19.
2. Keutamaan pemberian dos tambahan akan diberikan kepada kumpulan yang berisiko tinggi terlebih dahulu seperti pemberian dos ketiga vaksin COVID- 19 yang akan dilaksanakan apabila liputan imunisasi populasi dewasa melebihi 80%.
3. Untuk makluman, dos tambahan adalah terdiri daripada dua (2) kategori iaitu:
  - (i) **Dos ketiga:** bertujuan untuk meningkatkan tahap imuniti

## SOALAN NO: 51

dalam kalangan individu berisiko tinggi terhadap jangkitan COVID-19, yang mana dos kedua tidak mencukupi untuk meningkatkan tindak balas imuniti terhadap jangkitan. Penerima dos ketiga ini adalah terdiri daripada pesakit kurang daya tahan imun (*immunocompromised*), anggota barisan hadapan kesihatan yang berisiko tinggi mendapat jangkitan, warga emas dengan komorbiditi dan individu yang tinggal atau bekerja di pusat jagaan jangka panjang (*long-term care facilities*).

- (ii) **Dos penggalak:** atau booster dose diberikan kepada semua individu untuk meningkatkan tahap imuniti yang menurun dalam tempoh tertentu selepas dos lengkap.

4. Anggaran penerima dos ketiga adalah seramai 8.75 juta orang seperti pecahan berikut:

- (i) petugas barisan hadapan yang terlibat seramai 600 ribu orang (petugas kesihatan, keselamatan dan pertahanan);
- (ii) pesakit kurang daya tahan imun (*immunocompromised*) seramai 150 ribu orang;
- (iii) warga emas dan individu yang tinggal atau bekerja di pusat jagaan jangka panjang (*long-term care facilities*) seramai 3 juta orang; dan
- (iv) individu dengan komorbid seramai 5 juta orang.

5. Berikutan itu, satu Garis Panduan berkaitan Pemberian Dos Tambahan sedang dibangunkan dan diselaraskan oleh KKM.

6. Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) yang bersidang pada 8 Oktober 2021 yang lalu telah memberi kelulusan bersyarat bagi penggunaan vaksin Cormirnaty keluaran Pfizer sebagai dos penggalak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]**  
**TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan rancangan Kerajaan untuk memastikan semua orang di Malaysia termasuk pelarian, warga asing yang tidak berdokumen boleh mendapat suntikan vaksin COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan menyasarkan 80% daripada populasi dewasa negara selesai divaksinasi dan ia adalah termasuk populasi bukan warganegara yang berada di negara ini. Sehingga 11 Oktober 2021, sebanyak 90.4% daripada populasi dewasa telah selesai divaksinasi.

Bagi pelaksanaan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV), MOSTI menerusi CITF telah mengeluarkan Garis Panduan Vaksinasi terhadap Bukan Warganegara. Pada masa ini, pelaksanaan vaksinasi bagi bukan warganegara yang berdaftar dalam sistem MySejahtera masih melalui

## NO. SOALAN :52

penetapan temu janji namun sebagai usaha *mopping up* baki penerima yang masih belum mendapat vaksinasi, program *walk-in* termasuk di kalangan bukan warganegara yang tidak berdokumen telah dilaksanakan di kebanyakan negeri di seluruh Malaysia.

Sehingga 11 Oktober 2021, seramai 2.96 juta penduduk dewasa bukan warganegara di Malaysia telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin manakala seramai 2.23 juta penduduk dewasa bukan warganegara telah menerima dos vaksin yang lengkap. Program vaksinasi di kalangan bukan warganegara masih terus berjalan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]**

**TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN KHOO POAY TIONG** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah keluarga yang berpendapatan kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) di negeri Melaka mengikut pecahan kawasan parlimen.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, statistik berkaitan dengan pendapatan isi rumah diperoleh melalui Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIS&BA). Survei ini dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia sebanyak dua kali bagi setiap lima tahun. Survei yang terkini telah dibuat pada tahun 2019 dan hasil survei ini telah diterbitkan pada 10 Julai 2020. HIS&BA merupakan survei secara pensampelan berkebarangkalian dan maklumat yang tersedia adalah di peringkat negeri, strata (bandar dan luar bandar) dan daerah pentadbiran sahaja.

2. Penetapan isi rumah yang dikategorikan sebagai miskin mutlak, jika pendapatan keseluruhan isi rumahnya berada di bawah paras nilai

Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Pada tahun 2019, nilai PGK Malaysia telah disemak semula berdasarkan keperluan dan keadaan semasa. Semakan ini menekankan kepada pengambilan makanan yang optimum dan sihat serta keperluan asas bukan makanan yang berkualiti.

3. Berdasarkan metodologi PGK 2019, nilai purata PGK di Melaka ialah RM2,375 sebulan dengan purata saiz isi rumah seramai 3.9 orang. Berdasarkan dapatan HIS&BA 2019, insiden kemiskinan mutlak di Melaka adalah 3.9 peratus iaitu seramai 8.9 ribu isi rumah pada tahun 2019. Dalam tempoh yang sama, insiden kemiskinan mutlak mengikut daerah pentadbiran di Melaka adalah seperti berikut:

- Melaka Tengah mencatatkan insiden kemiskinan mutlak yang tertinggi iaitu 4.2 peratus iaitu seramai 5.8 ribu isi rumah;
- Alor Gajah sebanyak 3.8 peratus (1.9 ribu isi rumah); dan
- Jasin sebanyak 3.0 peratus (1.1 ribu isi rumah).

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, DOSM telah melaksanakan satu kajian bagi menilai kesan pandemik ini ke atas pendapatan isi rumah dan kemiskinan bagi tahun 2020.

5. Berdasarkan kajian tersebut, dianggarkan bilangan isi rumah miskin di Melaka meningkat kepada 15.0 ribu isi rumah pada tahun 2020 berbanding 8.9 ribu isi rumah pada tahun 2019. Insiden kemiskinan mutlak telah meningkat daripada 3.9 peratus pada tahun kepada 6.1 peratus pada tahun 2020. Namun, kajian tersebut hanya dilaksanakan di peringkat nasional dan negeri sahaja. Oleh itu, statistik mengikut daerah pentadbiran tidak disediakan.

6. DOSM akan menjalankan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIS/BA) pada tahun 2022. Analisis dari survei ini dapat dilaksanakan dengan lebih terperinci dan tidak terhad kepada peringkat nasional dan negeri sahaja bahkan sehingga ke peringkat daerah pentadbiran. Sekian, terima kasih.